

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [ INDERA MAHKOTA ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kesediaan Kementerian menggunakan rumah-rumah ibadat seperti masjid, surau, tokong, gereja dan lain-lainnya untuk menyalurkan bantuan seperti makanan asas kepada orang miskin tegar agar dapat membantu mereka dengan lebih berkesan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam mengambil langkah untuk memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya, orang papa, keluarga, pesalah muda, mangsa bencana, mangsa keganasan rumahtangga, mangsa pemerdagangan orang dan komuniti rentan. Kumpulan sasar ini mungkin terdiri daripada golongan miskin tegar.

Salah satu teras perkhidmatan JKJ adalah penyampaian perkhidmatan bantuan kewangan kebajikan. Kaedah penyaluran bantuan kewangan dilaksanakan sepenuhnya melalui bank mulai tahun 2010. Melalui pelaksanaan bayaran bantuan melalui bank, maka tidak wujud pembayaran bantuan secara berpusat seperti dewan orang ramai, balai penghulu dan sebagainya seperti sebelum ini.

Manakala bagi klien-klien JKM yang memerlukan bantuan serta merta, Tabung Bantuan Segera diwujudkan dengan kadar maksimum RM300 atau pemberian dalam bentuk barangan disampaikan secara terus kepada kumpulan sasar yang memerlukan. Penyampaian wang bantuan atau barangan dilaksanakan di Pejabat Kebajikan Masyarakat berhampiran atau di kediaman klien.

Bagi mangsa-mangsa bencana yang berpindah di pusat pemindahan terutama pada musim tengkujuh, makanan dan keperluan asas seperti selimut, tikar, kain pelikat/sarung, tuala, *hygiene kit* dan sebagainya akan disampaikan semasa mereka tinggal di pusat pemindahan. Manakala, mangsa-mangsa bencana seperti kebakaran dan ribut tidak berpindah, makanan dan keperluan asas disampaikan secara terus di kediaman mereka atau kediaman waris iaitu tempat di mana mereka menumpang secara sementara.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian menerusi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) juga menyalurkan bantuan berupa makanan di Anjung Singgah. Golongan

gelandangan di Anjung Singgah dibantu melalui pemberian makanan secara percuma. Ini adalah selaras dengan langkah Kerajaan yang telah menetapkan Anjung Singgah Kuala Lumpur sebagai salah satu pusat agihan makanan oleh NGO/Syarikat Korporat/IPTA/IPTS atau orang perseorangan yang bercadang untuk menyalurkan bantuan makanan kepada golongan gelandangan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Selain itu, Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur di Jalan Pahang dan Pusat Khidmat Gelandangan di Lorong Medan Tuanku turut dijadikan lokasi agihan makanan kepada golongan ini.